

25/07/2002

Umno lapor tindakan ganas penyokong Pas (HL)

Kadir Dikoh; Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Majlis Tertinggi (MT) Umno akan membuat laporan kepada kerajaan mengenai tindakan ganas penyokong Pas seperti dicetuskan ketika pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri (DUN) Anak Bukit, baru-baru ini.

Langkah itu bertujuan memastikan tindakan melampau seperti itu tidak berleluasa dan berterusan sehingga mencetuskan rusuhan pada masa depan.

Mesyuarat MT Umno di sini petang ini membincang secara mendalam apa yang berlaku sepanjang kempen pilihan raya kecil yang dimenangi calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Pendang dan calon Pas di Anak Bukit, masing-masing dengan majoriti kecil itu.

Memberitahu sidang akhbar selepas mesyuarat lebih dua jam di ibu pejabat Umno di Menara Dato Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata cara yang digunakan Pas itu amat berbahaya.

"Saya khuatir kalau penyokong Pas mula tidak hiraukan polis, sanggup tahan bas, tahan orang dan halang polis kuat kuasakan (undang-undang), satu hari nanti polis mesti guna kekerasan, terpaksa guna tembakan. Nanti, kalau jadi sesuatu, kita akan lihat rusuhan dalam negara yang akan memburukkan imej kita.

"Sebab itu awal-awal lagi kita tentukan cara ganas ini (oleh Pas) dapat dibendung," kata Presiden Umno.

Sebelum ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyifatkan kempen pilihan raya kecil itu sebagai paling buruk dan memalukan walaupun tidak berlaku pergaduhan besar yang menyebabkan kematian atau cedera parah.

Ini termasuk kejadian selak kain menunjukkan kemaluan kepada petugas Puteri Umno dilaporkan di Kampung Chegar, Anak Bukit. Selain itu, kenderaan yang membawa perayu undi BN bukan sahaja ditahan, malah dikepung, ditendang dan dibaling batu manakala penumpangnya dimaki-hamun.

Tidak cukup ketika berceramah, risalah menghina peribadi dan fitnah dengan memberikan pelbagai gelaran kepada pemimpin kerajaan berleluasa sepanjang lapan hari itu.

Calon BN Datuk Othman Abdul menang di Pendang dengan mengalahkan Dr Mohamed Hayati Othman dari Pas dengan majoriti 283 undi manakala di Anak Bukit, calon BN Datuk Zakaria Said kalah kepada calon Pas, Amiruddin Hamzah yang memperolehi majoriti 508 undi.

Dr Mahathir berkata, laporan oleh Umno kepada kerajaan itu akan dikemukakan secepat mungkin. Parti mempunyai segala maklumat dan bukti mengenai keganasan Pas serta apa yang berlaku ketika pilihan raya kecil itu.

"Soal keganasan ini kita serah kepada kerajaan untuk mengambil tindakan," katanya.

Ditanya sama ada Umno mempunyai pendirian serupa dengan SPR yang semalam antara lain mahukan diberikan kuasa termasuk membatalkan kelayakan sesebuah parti politik daripada bertanding dan melarang penceramah menjadi calon atau pengundi selama lima tahun jika melanggar etika berkempen, beliau berkata semangat itu sama.

"Semangat samalah. Saya dengar kata SPR pun kena maki juga (oleh penyokong Pas).

Kita akan lapor kepada kerajaan secepat mungkin. Kita ada bukti yang cukup, gambar, poster, cara dia fitnah, semua kita ada.

"Keganasan dia (Pas) pun kita ada orang yang bagi maklumat," katanya

sambil menunjukkan beberapa keping poster serta risalah yang dikatakan disebar oleh Pas termasuk mencaci peribadinya sepanjang kempen itu.

Perdana Menteri berkata, dalam salah satu risalah itu, ditunjukkan gambar beliau mengenakan seluar pendek.

"Saya tak tahu kaki siapa, badan saya (tapi) bubuh kaki orang lain. Saya tak pernah pakai macam ini. Kononnya saya kata `Tuan-tuan dan puan-puan, Nik Aziz bukanlah ulama Islam sebenar. Haji Hadi Awang pula seorang penipu, sayalah seorang pejuang Islam sebenar. Saya adalah tokoh Islam yang disanjung seluruh dunia. Orang Arab pun kagum dengan saya'," katanya.

Dr Mahathir berkata, walaupun ramai yang tidak bersetuju dengan cara Pas, mereka takut untuk menyatakan bahawa mereka penyokong kerajaan kerana khuatir dipulaukan memandangkan mereka tinggal di perkampungan yang mempunyai ramai penyokong parti itu.

Mesyuarat MT yang secara khusus membincangkan prestasi Umno pada pilihan raya kecil itu bagaimanapun berpuas hati dengan pencapaian parti dan mendapati sokongan terhadap BN semakin bertambah.

Beliau berkata, hampir kesemua peti undi mencatatkan jumlah pengundi yang memilih BN meningkat. Walaupun tidak menang di sesetengah tempat, jumlah undi yang diperolehi BN bertambah.

"Ini bermakna, ramai yang sudah beralih menyokong Umno semula. Sebabnya yang kita tidak menang ialah kerana keganasan Pas. Ada yang didakwa bawa senjata, parang dan ugutan. Ugutan yang dahsyat. Ini juga menyebabkan pengundi Cina tidak keluar mengundi.

"Orang Melayu juga ramai yang tak boleh mengundi. Kira-kira 600 pengundi Cina di Anak Bukit, tak dapat keluar. Orang Melayu juga ramai, ada ahli umno pun tak dapat keluar mengundi kerana tindakan ganas penyokong Pas menyekat bas, menghalang perjalanan dan ada juga serangan ke atas orang Umno serta menakutkan pengundi Umno.

"Kita juga dapati di kedua-dua kawasan ini, ada 1,000 pengundi yang tidak dapat dikesan. Mereka adalah pengundi tetapi kita tidak tahu mereka di mana. Kita cari mereka, tak jumpa dan kita yakin pada hari mengundi mereka telah keluar mengundi dari pihak parti lawan," katanya.

Dr Mahathir berkata, pengundi terbabit sendiri mengaku bahawa mereka sudah pindah mengundi dari kawasan yang mereka tidak mungkin menang seperti dari Kubang Pasu ke Anak Bukit serta ke tempat lain.

Di Pendang, katanya, BN sepatutnya memperoleh lebih banyak undi iaitu sekitar 2,000 undi tetapi kerana ugutan, ramai yang tak dapat keluar mengundi.